

Mukim 1 Lubok dapat dewan baharu

BATUPAHAT - Penduduk sekitar Mukim 1 Lubok, Semerah di sini, gembira apabila Dewan Terbuka, Kompleks Penghulu Mukim 1 Lubok yang dibina akhirnya siap dan boleh digunakan.

Penghulunya, Wahab Rahim berkata, sebelum ini apabila hendak mengadakan sesuatu program, pihaknya terpaksa menggunakan dewan sekolah atau tempat lain.

Menurutnya, dewan ini yang siap April lalu turut menjadi gelanggang serba guna untuk kegiatan belia dan aktiviti sukan.

"Buat masa ini kita guna dewan ini secara mingguan, di mana ada sahaja aktiviti anak muda di sini termasuklah mereka menggunakan dewan untuk bermain badminton.

"Pelbagai aktiviti telah dirancang untuk menghidupkan dewan ini dengan aktiviti penduduk kampung.

"Sebelum ini, pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) juga telah menggunakan dewan ketika program khidmat

masyarakat dan program anak angkat mereka," katanya ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri dan perasmian dewan berkenaan yang disempurnakan Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Noraini Ahmad.

Sementara itu, menurut Noraini, dewan berkenaan merupakan 'projek' khas yang dilakukan pihaknya untuk kemudahan orang ramai, di mana ia melibatkan lima dewan.

Katanya, projek berkenaan yang dikenali sebagai 'Satu Mukim Satu Dewan' itu melibatkan lima mukim dalam kawasannya, iaitu Mukim 1 Lubok, Mukim 2 Bagan, Mukim 3 Peserai, Mukim 4 Simpang Kiri dan Mukim 18 Sri Medan.

"Setiap dewan ini anggaran kosnya adalah sekitar RM200,000 dan kita bina lima dewan seumpamanya untuk kemudahan penduduk di setiap mukim yang diterajui oleh seorang penghulu.

"Kita akan binanya di setiap kompleks penghulu," katanya.



Noraini memukul gong sebagai simbolik perasmian Dewan Terbuka Kompleks Penghulu Mukim 1 Lubok.